

EKSTREMISME DALAM KALANGAN BELIA BERPENDIDIKAN TINGGI DI MALAYSIA: PENGKONSEPSIAN DAN FAKTOR YANG MENDORONG

EXTREMISM AMONG HIGHLY EDUCATED YOUTH IN MALAYSIA: CONCEPTIONS AND DRIVING FACTORS

Mohd Mahzan Awang^{1*}, Abdul Razaq Ahmad¹ and Kamarulzaman Abdul Ghani²

¹Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, MALAYSIA

²Faculty of Language Studies and Human Development, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, MALAYSIA

*Corresponding author: mahzan@ukm.edu.my

Published online: 31 October 2023

To cite this article: Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad and Kamarulzaman Abdul Ghani.

2023. Ekstremisme dalam kalangan belia berpendidikan tinggi di Malaysia: PengkONSEPSIAN dan faktor yang mendorong. *Kajian Malaysia* 41(2): 319–345. <https://doi.org/10.21315/km2023.41.2.15>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2023.41.2.15>

ABSTRACT

This study explores the concept of extremism from the perceptions of Malaysian higher education youth leaders as well as influencing factors of extremism. This study used a mixed-methods research design involving two phases of data collection: interview with six informants (phase 1), followed by a survey of 110 higher education respondents (phase 2). The interview protocol focuses on the concept of extremism and the factors that lead to extremism. To analyse the interview data, a thematic approach was used in this study. Findings show that there are two themes in the concept of extremism namely aggressive and extreme behaviour and emotional actions among youth. There are four main themes of influential factors that emerged from this study, namely, religious misunderstandings, ideologies as opposed to religious teachings, radical political ideologies, and failure to manage people's differences. Findings of this study revealed that the external environment including the global political environment and lack of religious knowledge have the potential to influence youth ideological perceptions. With the advancement of communication and information technology, the threat of extremism worldwide might easily spread.

Therefore, the themes from the analysis become an instrument for a survey study that focuses on the concept of extremism and the factors that encourage young people to become involved in extremism. Inference analysis involving t-test and one-way ANOVA was performed to see the differences based on gender and age. Results suggest that the majority of young people have a high level of conceptual understanding of extremism; where it has been found that three main contributing factors for youth involvement in extremism are political beliefs, political ideology, and lack of religious knowledge. Therefore, a special module to prevent youth from being influenced by this movement is needed. In addition, authorities need to have advanced high technology including the ability to manage big data in detecting and preventing the spread of dangerous ideologies.

Keywords: extremism, extreme, religious, youth, higher education

ABSTRAK

Kajian ini meneroka konsep ekstremisme daripada persepsi belia berpendidikan tinggi di Malaysia serta faktor-faktor yang boleh mencetuskan gejala ekstremisme dalam sesebuah negara. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kaedah gabungan yang melibatkan dua tahap kutipan data iaitu kutipan data kualitatif secara temu bual dengan enam orang pemimpin belia diikuti dengan kajian tinjauan yang melibatkan 110 orang responden belia berpendidikan tinggi. Protokol temu bual yang dibina berfokuskan kepada konsep ekstremisme dan faktor-faktor yang mendorong kepada ekstremisme. Bagi menganalisis data temu bual, pendekatan bertema telah digunakan dalam kajian ini. Dapatkan analisis temu bual menunjukkan terdapat dua tema dalam konsep ekstremisme iaitu perlakuan yang berkaitan dengan sesuatu yang melampau dan keterlaluan; dan perbuatan meluah perasaan serta bertindak mengikut emosi. Terdapat empat tema utama yang menjadi faktor yang mempengaruhi perilaku ekstremis iaitu salah faham agama, ideologi yang didakwa sebahagian daripada ajaran agama, ideologi politik yang radikal, dan kegagalan mengurus perbezaan rakyat. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa persekitaran luar termasuklah persekitaran politik global dan kurangnya pengetahuan agama mempunyai potensi untuk mempengaruhi belia. Dengan kemajuan teknologi komunikasi dan maklumat, pendedahan kepada ancaman ekstremisme di peringkat dunia mudah tersebar. Tema-tema daripada analisis temu bual ini dijadikan panduan untuk pembinaan instrumen soal selidik yang turut memfokuskan kepada konsep ekstremisme dan faktor-faktor yang mendorong belia terlibat dengan aktiviti ini. Analisis inferensi yang melibatkan t-test dan ANOVA satu hala dilakukan untuk melihat perbezaan berdasarkan jantina dan umur. Dapatkan analisis statistik daripada tinjauan

mendapati bahawa majoriti belia mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap konsep ekstremisme manakala tiga faktor utama yang mendorong belia terlibat dengan ekstremisme ialah kecenderungan melampau pada sesuatu parti politik, tertarik dengan ideologi perjuangan parti atau kumpulan dan kurangnya didikan agama. Maka, satu modul khusus untuk mengekang belia daripada terpengaruh dengan gerakan ini amat diperlukan. Di samping itu, pihak berkuasa perlu mempunyai teknologi tinggi yang canggih termasuk keupayaan mengurus data mega dalam mengesan dan mencegah penularan ideologi berbahaya.

Kata kunci: ekstremisme, melampau, agama, belia, pendidikan tinggi

PENGENALAN

Amnya, ekstremisme merupakan satu konsep perlakuan yang berkaitan dengan tindakan melampau akibat daripada ideologi dan ketaksuhan kefahaman yang mengganggu-gugat kestabilan politik, sosial dan ekonomi. Menurut Muhammad (2008), segala tingkah laku yang ganas seperti penculikan, pengeboman, provokasi dan ugutan ialah perbuatan yang dilihat sebagai ekstrem. Ekstremisme boleh berlaku sekiranya terdapat sekumpulan atau seseorang individu yang tidak mendapat peluang dan ruang dalam menyuarakan perbezaan pendapat, pandangan dan pegangan. Perkara sebegini menjadi pencetus kepada gerakan ekstremisme. Konsep ekstremisme juga berkait rapat dengan konsep radikalisme yang merujuk kepada suatu sikap yang membawa kepada proses drastik untuk melemahkan penguasaan politik semasa (Azra 1999; Ishak 2011).

BELIA EKSTREMIS, RADIKAL SERTA KEGANASAN

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengkategorikan belia ialah individu yang berumur di antara 15 tahun sehingga 24 tahun, manakala di Malaysia belia merupakan individu berumur 15 tahun sehingga 40 tahun. Dari segi strategi pelaksanaan program dan orientasi aktiviti Dasar Pembangunan Belia Negara (Kementerian Belia dan Sukan 1997), tumpuan adalah kepada belia yang berumur 18 tahun hingga 25 tahun.

Ekstremisme ialah fahaman, perbuatan dan sikap yang ekstrem, fanatik, taksub, ganas, radikal, melampau dan agresif. Ekstremisme merujuk kepada perbuatan dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan kepercayaan, perbuatan, sikap, tindakan dan perasaan individu yang melepas garis kebiasaan (A Faiz 2017). Ekstremisme dipengaruhi oleh faktor luaran (Bartoli dan Coleman 2003), fahaman dan

pandangan politik seseorang. Terdapat lima imperatif pembentukan ideologi ekstremis iaitu imperatif luaran (pengaruh gerakan perjuangan global), imperatif serantau (pengaruh perjuangan peringkat serantau), imperatif dalaman (situasi politik dalam negara), imperatif kumpulan dan imperatif kepimpinan (Ahmad, Wan Ruzalian dan Muhammad Azamuddin 2019a).

Kegiatan ekstremisme juga melibatkan kegiatan bukan politik seperti kegiatan agama mahupun bukan agama (Mohd Roslan et al. 2022), melampaui batas (Muhammad 2008), kekerasan melibatkan penculikan, rampasan, pembunuhan dan pererangan (Muhammad 2008). Davies (2008) mengkategorikan perjuangan ketuanan kulit putih, *skinhead fasisme* serta parti yang mempunyai pegangan kebencian berkaitan bangsa merupakan ekstremisme. Hal ini jelas menunjukkan bahawa konsepsi ekstremisme berkait rapat dengan penzahiran individu. Ideologi ekstrem ini mempengaruhi watak dan cara berfikir seseorang (Mohd Imran dan Rahimin Affandi et al. 2019) serta memberi kebebasan kepada akal untuk berfikir dan bertindak (Basri 2018). Gerakan ekstremisme lazimnya bermula dengan pemikiran yang radikal (Norhafezah et al. 2017) dan salah faham agama (Shahhanim dan Farhan 2019).

Radikal pula bermaksud berfikir secara radikal (Tarmizi 1998) dan pemahaman yang menginginkan pembaharuan dan perubahan secara drastik di dalam sesebuah sistem politik dan sosial secara kekerasan (A Faiz 2017). Kumpulan radikal ini berkait rapat dengan fanatisme. Radikalisme ialah perasaan dan tindakan yang bertujuan untuk mengubah dan menggantikan idea-idea sedia ada dengan idea-idea baharu dan ia menggugat dan mempersoalkan satu pandangan yang sudah dianggap norma di dalam sesebuah institusi masyarakat (Muhammad Najib 2013). Terdapat empat ciri terorisme iaitu kekerasan, mempunyai motif dan tujuan politik, menindas golongan yang tidak bersalah serta keganasan yang ditayangkan kepada masyarakat awam untuk tujuan menakutkan (Combs 2000). Di Malaysia, beberapa aktiviti ekstremisme yang dilaporkan ialah pemilikan senjata api bagi tujuan keganasan oleh seorang belia (kes tahun 2016), pengeboman kelab malam Movida Puchong (kes tahun 2017) dan keanggotaan 53 orang rakyat Malaysia dalam kumpulan militan Daesh (kes tahun 2018) (Omar 2018).

KESALAHAN BERKAITAN PERLAKUAN DAN PEMIKIRAN EKSTREMISME

Dalam menjawab perdebatan untuk membezakan garis pemisah antara pemikiran ekstremisme dan perbuatan ekstremisme dalam kalangan belia Malaysia, rujukan khusus kepada sejauh mana tindakan individu menyanggahi undang-undang

negara Malaysia amatlah perlu. Adalah sukar bagi pihak berkuasa termasuklah Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk bertindak terhadap individu yang berfikiran ekstrem tetapi tidak menzahirkan pemikiran dan hasrat tersebut. Penzahiran fizikal adalah bukti kepada pemikirannya. Samsilah dan Shahhanim (2019) menegaskan bahawa ekstremisme berkait rapat dengan ciri-ciri personaliti individu yang cenderung kepada perlakuan jenayah dan keceluaran narsisme. Hanina dan Sudirman (2019) mendapati bahawa pemikiran belia ekstremis berdasarkan psikologi ialah setiap individu digerakkan oleh pemikiran sedar dan pemikiran bawah sedar. Maka, menzahirkan perlakuan (ekoran daripada pemikiran), nilai kendiri yang rendah dan kelonggaran *social attachment*, sama ada secara individu ataupun berkumpulan adalah termasuk dalam kategori perilaku ekstrem. Mohammad Rahim dan Farhan (2019) mendapati personaliti *impulsive seeking*, pengherotan kognitif, salah tafsiran agama dan tingkah laku agresif adalah ciri-ciri kepada tingkah laku ekstrem. Maka, pihak berkuasa akan merujuk kepada akta-akta yang berkaitan dengan keganasan dan ekstremisme untuk diguna pakai dalam mengawal dan mengambil tindakan terhadap pemikiran ekstrem yang disebar sama ada menerusi media baharu atau media massa serta perbuatan ekstrem yang mengganggu-gugat ketenteraman awam dan negara. Peruntukan undang-undang yang menjadi asas kepada PDRM untuk bertindak terhadap penzahiran pemikiran ekstrem ialah Kanun Keseksaan, Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan, Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Security Offences [Special Measures] Act 2012, SOSMA), Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Prevention of Crime Act, POCA). Antara tindakan yang melibatkan pemikiran ekstremisme dan perbuatan ekstremisme yang boleh disabitkan kesalahan merujuk kepada undang-undang Malaysia ialah:

1. Seksyen 130C, Kanun Keseksaan: untuk kesalahan berkaitan melakukan perbuatan pengganas;
2. Seksyen 130D, Kanun Keseksaan: untuk kesalahan berkaitan memberikan sokongan peralatan kepada pengganas untuk bertindak dalam pelbagai cara;
3. Seksyen 130E dan 130F Kanun Keseksaan: untuk kesalahan berkaitan merekrut orang sebagai ahli kumpulan pengganas untuk menyertai, perbuatan individu yang berkaitan sebagai pengganas;
4. Seksyen 130G, Kanun Keseksaan: untuk kesalahan berkaitan tindakan merekrut penyertaan dan keahlian dalam kumpulan pengganas, menghasut, menggalak atau mencari harta untuk berlakunya sesuatu perbuatan pengganas;

5. Seksyen 130H, Kanun Keseksaan: untuk memberikan kemudahan sebagai penyokong perbuatan pengganas;
6. Seksyen 130I, Kanun Keseksaan: untuk kesalahan berkaitan memberikan arahan dan mengarahkan aktiviti kumpulan pengganas;
7. Seksyen 130JA, Kanun Keseksaan: bagi kes keluar negara untuk melakukan perbuatan keganasan;
8. Seksyen 130JB, Kanun Keseksaan: untuk kes bersabitan dengan pemilikan dan sebagainya berhubung dengan pengganas;
9. Seksyen 130JC, Kanun Keseksaan: untuk kesalahan membina dan sebagainya untuk pengganas;
10. Seksyen 130JD, Kanun Keseksaan: bagi kes berkaitan persiapan untuk perbuatan keganasan;
11. Seksyen 130K, Kanun Keseksaan: untuk pihak berkuasa untuk melindungi orang melakukan perbuatan keganasan;
12. Seksyen 130KA, Kanun Keseksaan: untuk kes berkaitan dengan keahlian kepada kumpulan pengganas;
13. Seksyen 130L, Kanun Keseksaan: untuk kes berkaitan pakatan jahat jenayah; dan
14. Seksyen 130M, Kanun Keseksaan: untuk keadaan yang berkaitan dengan tindakan sengaja meninggalkan daripada memberi maklumat mengenai tindakan dan pengganas.

GLOBALISASI DAN EKSTREMISME

Dalam konteks antarabangsa, kewujudan kumpulan-kumpulan militan dan radikal telah memberi kesan kepada keselamatan. Amerika Syarikat telah membuat tuduhan serangan Pusat Dagangan di New York didalangi oleh perjuangan Al-Qaeda (Federal Bureau of Investigation n.d.). Bahkan, Amerika Syarikat bersama-sama North Atlantic Treaty Organization (NATO), Pakistan dan 43 buah negara terlibat dalam misi International Security Assistant Force (ISAF) yang bertujuan untuk memusnahkan Taliban dan Osama bin Laden (Ahmad Sauffiyan 2016). Tindakan serangan balas terhadap negara yang didakwa menjadi pusat gerakan ekstrem kumpulan keagamaan telah menimbulkan perang psikologi yang membawa kepada Islamofobia (Zafar 2010). Pengeboman di Bali, Indonesia dari sekitar tahun 2002 dipercayai telah didalangi oleh kumpulan radikal antarabangsa

(Simanjuntak 2016). Pada tahun 2019, tangkapan telah dibuat terhadap rakyat Malaysia yang disyaki mempunyai hubungan rapat dengan kumpulan radikal Harimau Pembebasan Tamil Eelam (Liberation Tigers of Tamil Eelam, LTTE). Pada tahun 2014, kumpulan militan yang dikenali sebagai Islamic State (IS), Islamic State of Iraq and the Levant (ISIL), Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) dan Kumpulan Daesh bukan sahaja menjadi perhatian di Asia Tenggara malah ia mencuri tumpuan masyarakat dunia (Muhd Imran, Mohd Anuar et al. 2019).

Sejarah Malaysia menunjukkan terdapat gerakan ekstrem dan dicatat sebagai berhaluan kiri dalam silibus Sejarah sekolah menengah pada era tersebut termasuklah Ibrahim Haji Yaakob, Ahmad Bustaman dan Burhanuddin Al-Helmy (Mohamed Salleh 2006). Selepas kemerdekaan negara, tragedi 13 Mei 1969 melibatkan kaum Cina dan Melayu menjadi topik perbincangan perlakuan ekstrem rakyat Malaysia (Asrizal 2013). Selepas itu terdapat insiden Memali pada tahun 1985 dan peristiwa di Kampung Medan, Petaling Jaya pada tahun 2001 (Ahmad Zahid Hamidi 2017).

Statistik PDRM menunjukkan terdapat banyak tangkapan individu yang disyaki terlibat dengan gerakan ekstremisme. Pada Januari 2020, PDRM melaporkan 56 rakyat Malaysia disyaki terbabit dengan aktiviti keganasan masih berada di Syria. Sehingga Januari 2020, seramai 27 orang rakyat Malaysia yang terlibat dengan keganasan kini berada di Kem Al-Houl, sembilan orang di Penjara Al-Hasakah, seorang di Idlib manakala 19 lagi belum dikenal pasti lokasi mereka. Beberapa siri tangkapan juga telah dibuat terhadap warga tempatan dan warga asing yang mempunyai kaitan rapat dengan gerakan ekstrem (Mohd Mizan 2017). PDRM turut menahan 533 individu termasuk warga asing sebagai langkah pencegahan sejak 2013 sehingga 2020. PDRM melaporkan kes ekstrem dalam negara pada Januari 2020 iaitu seramai 246 orang telah didakwa berkaitan kes keganasan di mahkamah dengan 199 daripadanya dijatuhi hukuman manakala 47 orang ditahan mengikut POCA. Seramai 36 orang telah dikenakan tindakan mengikut Akta Pencegahan Keganasan (Prevention of Terrorism Act, POTA). Kumpulan ekstremis dilihat berani menyuarakan pandangan dan bersikap terbuka terhadap ideologi mereka menerusi media sosial seperti Facebook dan Instagram (Zul Azmi dan Ahmad 2015). Ahmad, Wan Ruzailan dan Muhammad Azamuddin (2019b) telah membuat sorotan sejarah ekstremisme di Malaysia yang mendapati bahawa gerakan ekstremisme sebenarnya telah lama wujud di Malaysia.

Berdasarkan kes-kes yang ekstrem, jelas sekali wujud kaitan rapat perlakuan ekstremisme dengan ideologi keganasan. Justeru, PDRM telah menubuhkan Unit E8, iaitu unit Counter Terrorism. Kerajaan Malaysia juga telah menggubal SOSMA pada tahun 2012, POCA pada tahun 2014 dan POTA pada tahun

2015. Amat penting tumpuan kepada pelajar dididik dengan nilai positif untuk membina jati diri mulia seorang rakyat (Mohd Mahzan, Jindal-Snape dan Barber 2013). Mastura (2019) yakin bahawa penekanan kepada pengukuhan pegangan agama, peningkatan efikasi kendiri, daya tahan diri, assertif, jati diri, potensi, amalan kesederhanaan dan pemikiran matang adalah penting untuk mengekang kegiatan keganasan.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini meneroka konsep ekstremisme daripada pandangan belia berpendidikan tinggi dan mengenal pasti isu-isu dominan serta faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya ekstremisme di Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian gabungan yang melibatkan dua fasa pungutan data. Fasa pertama ialah kajian kualitatif yang memberi fokus kepada memahami sesuatu masalah mahupun peristiwa secara mendalam (Merriam 1998). Fasa ini melibatkan enam orang belia berpendidikan tinggi yang juga memimpin kepada pertubuhan belia pelbagai bidang. Teknik temu bual semi berstruktur dilakukan untuk pungutan data naratif bersesuaian dengan reka bentuk kajian ini (Cohen dan Manion 1989; Kagan 1992). Data yang terkumpul telah dianalisis secara bertema (Bogdan dan Biklen 2006). Tema-tema daripada analisis temu bual ini dijadikan panduan untuk pembinaan instrumen soal selidik bagi fasa kedua kutipan data.

Fasa kedua merupakan kajian tinjauan yang memfokuskan kepada konsep ekstremisme dan faktor-faktor yang mendorong belia terlibat dengan aktiviti tersebut dengan menggunakan satu set soal selidik yang dibina berdasarkan dapatan daripada fasa pertama dan juga rujukan kajian lampau. Set soal selidik tersebut telah dibuat semakan oleh pakar dalam bidang sosiologi. Nilai Cronbach's alpha yang diperoleh daripada kajian rintis bagi konstruk konsep ekstremisme ialah 0.612, manakala nilai bagi faktor ialah 0.747; kedua-dua nilai ini berada tahap yang tinggi sekali gus membolehkan soal selidik digunakan untuk kutipan data sebenar. Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini seramai 110 orang yang dipilih secara rawak mudah. Soal selidik melibatkan skala Likert 1 hingga 5 iaitu interpretasi skor seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Skala skor min dan interpretasi

Skor purata	Interpretasi
1.0 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil (2002)

Data numerikal ini dianalisis secara deskriptif melibatkan skor min dan sisihan pawai manakala analisis inferensi melibatkan *t*-test dan ANOVA satu hala.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Fasa 1: Dapatan Kajian daripada Temu Bual Konsep Ekstremisme

Konsep ekstremisme

Analisis dapatan data temu bual mendapati dua tema dalam konsep ekstremisme iaitu ekstremisme yang berkaitan dengan sesuatu yang melampau dan keterlaluan; dan perbuatan meluah perasaan dan bertindak mengikut emosi.

Tema 1: Ekstremisme adalah perbuatan melampau dan keterlaluan

Bagi tema ini, Informan B1 menyatakan ekstremisme bukan sahaja berlaku daripada sudut percakapan dan perbuatan, malahan pemikiran yang ekstrem (melampau) juga boleh menyebabkan berlakunya ekstremisme. Bahkan menurutnya juga, ekstremisme merupakan perlakuan, perbuatan atau pemikiran yang jauh daripada norma-norma kemanusiaan di sesebuah kawasan. Hal ini kerana norma-norma ini sentiasa berubah-ubah mengikut tempat kediaman sekumpulan manusia tersebut. Manakala Informan B2 pula menyatakan bahawa ekstremisme ialah sebuah komuniti atau seseorang yang berpegang kepada satu ideologi seperti ideologi agama, ras, ataupun politik yang keterlaluan. Selain itu, Informan B2 juga menyatakan ekstremisme ialah pegangan ideologi yang keterlaluan sehingga tidak nampak sebenarnya ada sahaja pilihan lain selain daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang ekstrem. Keadaan ini turut disokong oleh Informan AA2 yang menyatakan bahawa ekstremisme ini merupakan fahaman yang melampaui atau melampau dalam tindakan, perbuatan atau pertuturan yang boleh mengakibatkan ketidakstabilan dan kekacauan dalam sesebuah masyarakat mahupun negara.

Tema 2: Ekstremisme ialah luahan perasaan dan tindakan emosi

Unsur luahan perasaan dan tindakan emosi merupakan elemen dalam mengkonsepsikan ekstremisme belia. Informan B4 menyatakan ekstremisme yang berlaku sering dikaitkan dengan emosi atau perasaan, iaitu tindakan ekstrem yang dilakukan secara melulu dan di luar batasan undang-undang. Sebagai contoh, jika terdapat seseorang individu yang memberikan ucapan berbaur hasutan yang boleh menimbulkan kebencian dalam kalangan masyarakat juga dilihat sebagai perbuatan yang berkaitan dengan ekstremisme.

Data temu bual mendapati konsep ekstremisme ini sebenarnya berkaitan dengan suatu perilaku, pertuturan, pemikiran dan ideologi yang dikatakan melampau, keterlaluan dan juga ekstrem. Tambahan lagi, ekstremisme juga sering dikaitkan dengan emosi apabila seseorang bertindak secara melulu dan di luar batasan undang-undang. Selain itu, ekstremisme juga berkaitan dengan perasaan sayang atau benci dengan sesuatu perkara. Hal ini menunjukkan bahawa semua orang mempunyai pandangan yang tersendiri berkaitan dengan konsep ekstremisme. Analisis temu bual bagi isu agama sebagai isu dominan yang mendorong kepada berlakunya ekstremisme dan mendapati bahawa isu agama ini dibahagikan kepada tiga, iaitu isu agama yang berkaitan dengan sentimen agama dari luar negara, konsep jihad dan agama selain Islam juga melakukan gejala ekstremisme. Dua orang informan bersetuju bahawa penggunaan sentimen agama dari luar negara boleh mewujudkan gejala ekstremisme, di mana Informan B1 bersetuju bahawa isu agama di Malaysia tidaklah begitu banyak yang boleh mendorong berlakunya ekstremisme. Namun begitu, jika terdapat isu-isu agama yang berada di serantau atau di luar negara, misalnya Palestin dan Syria telah menyebabkan rakyat Malaysia mudah terpengaruh untuk terlibat dengan gejala ekstremisme ini. Bukan itu sahaja, Informan B2 turut menyatakan ekstremisme yang berlaku ini bukan sahaja menggunakan sentimen agama yang terdapat di Malaysia, malahan mereka juga menggunakan sentimen agama dari luar negara sebagai pendorong kepada gejala ini.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan konsep ekstremisme yang diketengahkan oleh pengkaji lampau iaitu ekstremisme merupakan perlakuan pertuturan, pemikiran dan ideologi yang dikatakan melampau, keterlaluan dan juga ekstrem (ganas). Dua tema daripada dapatan kajian ini mempunyai persamaan ciri ekstremisme berkaitan suatu pencabulan hak terhadap proses politik, ekonomi dan sosial yang dilihat keterlaluan (Ramanathan 1988). Ekstremisme merupakan satu bentuk dalam aspek perbuatan dan tindakan yang keterlaluan terutama dalam aspek menokok tambah sesuatu perkara (Mahmood 2013). Tema daripada dapatan kajian ini adalah seiring dengan pendapat Azzahari et al. (2022) yang menyatakan ekstremisme ialah perbuatan yang bersifat melampau demi kepentingan diri sendiri atau kumpulan tertentu. Dapatan kajian ini memberi penambahan ilmu dari dimensi psikologi terhadap istilah ekstremisme yang disebut oleh Nur Azuki et al. (2016) sebagai tindakan melampaui batas keseimbangan dalam melaksanakan sesuatu. Dapatan kajian ini menyokong konsep ekstremisme oleh Maynard (2019) yang menyatakan sebagai fahaman ideologi yang melampau dan memberikan ancaman jika ideologi tersebut bertentangan antara satu sama lain. Hasil analisis temu bual juga selari dengan istilah “al-Ghuluw” yang bermaksud melampaui had dan melebihi daripada sempadan-sempadan yang telah ditetapkan dalam beragama (Johari 1997). Sikap al-Ghuluw ini telah berlaku semenjak zaman sufi (Ahmad Zahid 2017).

Faktor yang mendorong belia terpengaruh dengan gerakan ekstremisme

Analisis dapatan temu bual menunjukkan terdapat empat tema utama yang dipercayai menjadi faktor kepada terpengaruhnya golongan belia dalam aktiviti gerakan ekstrem, iaitu:

Tema 1: Salah faham konsep jihad

Salah faham terhadap konsep jihad dalam Islam telah mempengaruhi belia untuk menyokong gerakan ekstrem atas nama Islam. Salah faham tentang konsep jihad ini boleh mencetuskan tindakan melampau berbahaya. Informan B1 menyatakan bahawa konflik dunia yang dikaitkan dengan isu-isu keagamaan telah mengheret belia untuk berjuang secara sukarela dengan berjihad di rantau yang berkonflik termasuklah perjuangan di Timur Tengah. Informan AA2 turut menyuarakan perkara yang sama iaitu mengaitkan perjuangan jihad dengan tindakan ekstrem.

Secara amnya, jihad merupakan satu konsep murni yang sering disalahtafsirkan oleh golongan-golongan tertentu dan akhirnya menyebabkan agama Islam dipandang sebagai agama yang membawa kepada keganasan (Intan Suria, Sity Daud dan Nor Azian 2017). Penggunaan konsep jihad yang salah juga menimbulkan kegeruan dan ketakutan bukan sahaja dalam kalangan penganut agama lain. Bahkan, ada yang memberikan tanggapan bahawa konsep jihad ialah suatu peperangan yang menggunakan senjata (Zul Azmi dan Ahmad Sunawari 2015). Ketakutan dan kegeruan dalam kalangan penganut agama lain telah mencetuskan fenomena Islamofobia (Enizahura 2019).

Selain itu, konsep jihad ini juga dilihat mempengaruhi penglibatan golongan belia terhadap gejala ekstremisme kerana mereka berpendapat bahawa tindakan mereka adalah bertujuan untuk mempertahankan dan memperjuangkan hak orang Islam (Amini 2016). Sedangkan konsep jihad dalam Islam sebenarnya tidak menggalakkan kepada keganasan kerana konsep jihad ini berkaitan dengan perjuangan di jalan Allah dan mempertahankan agama Islam secara umum (Mahmood 2003). Oleh itu, salah faham mengenai konsep jihad dalam Islam turut menyebabkan golongan belia terutamanya mereka yang beragama Islam mudah terjebak dan terpengaruh dengan kumpulan ekstremis agama atau gejala ekstremisme. Bukan sahaja agama Islam yang terlibat dengan gejala ekstremisme, malahan agama-agama lain juga dilihat turut melakukan gejala ini seperti yang dinyatakan oleh Informan B3 dalam kajian ini.

Tema 2: Ideologi yang didakwa sebahagian daripada ajaran agama

Dapatan analisis temu bual mendapati bahawa ideologi yang didakwa sebahagian daripada ajaran agama merupakan faktor pendorong kepada penglibatan belia dalam gerakan ekstrem. Kepercayaan bersifat spiritual ini sering kali bergerak atas paksi keagamaan sedangkan ia berkemungkinan daripada salah tafsiran dalam mazhab sesuatu agama. Maka, elemen patuh kepada ketua yang membawa ajaran dalam amalan spiritual menjadi asas gerakan utama, yang adakalanya membawa kepada tindakan melampau. Informan membangkitkan bahawa wujud organisasi yang dikenali sebagai *evangelical* yang bertindak melampau sehingga mazhab agama Kristian yang lain turut menolak organisasi ini.

Dalam mengaitkan faktor ideologi yang didakwa sebagai ajaran agama, Informan B2 memberi contoh beberapa buah negara seperti Myanmar yang melakukan ekstremisme dan mengaitkan dengan ajaran agama Buddha. Beliau juga mengaitkan kes di Afrika yang menyebabkan berlakunya ekstremisme yang dikaitkan dengan agama Kristian.

Tiga informan (B1, B3 dan AA2) menyatakan bahawa semua agama mempunyai kecenderungan untuk merekrut pengikut yang seterusnya mendorong kepada tindakan yang agresif sehingga mencetuskan perang Salib. Informan B3 memberi tumpuan kepada gejala ekstremisme yang dikaitkan dengan ajaran Kristian di Amerika Syarikat menerusi gerakan “Ku Klux Klan” (KKK), “White Supremacy” dan lain-lain lagi. Informan B3 juga mengaitkan tindakan ekstrem berlaku kerana wujud konflik kepercayaan dalam aspek keagamaan seterusnya menimbulkan kebencian.

Dapatan kajian ini selari dengan pandangan Al-Qardhawi (1996) yang mengaitkan tindakan melampau dan keterlaluan berpunca daripada sikap fanatik atau taksub dalam kalangan penganut sesuatu agama itu sendiri. Al-Qardhawi (1996) menyatakan bahawa sikap fanatik dan taksub terhadap sesuatu ideologi atau pandangan menyebabkan mereka enggan menerima pandangan orang lain kerana pandangan mereka adalah yang terbaik dan benar. Bahkan menurut Johari (1997), terdapat segelintir masyarakat yang terlampau berpegang dengan prinsip dan fanatik dengan sesuatu fahaman sehingga enggan menerima pandangan individu lain juga merupakan faktor yang mendorong kepada berlakunya ekstremisme. Keengganan menerima pandangan orang lain juga menyebabkan berlakunya ekstremisme (Dianne 2012). Disebabkan fanatism, enggan menerima pandangan penganut lain dan merasakan agama yang dianuti mereka sahaja adalah benar merupakan sikap yang perlu dijauhi agar gejala ekstremisme ini dapat dibendung.

Ekstremisme dalam agama ini dapat dilihat dalam agama lain di dunia. Dengan merujuk kes di Myanmar iaitu majoriti penduduknya yang beragama Buddha telah bertindak kejam terhadap etnik minoriti Muslim Rohingya yang menetap di daerah Rakhaine (Intan Suria, Sity Daud dan Nor Azian 2017). Begitu juga dengan tindakan segolongan rakyat di India yang merupakan majoriti beragama Hindu telah memberikan tanggapan negatif kepada penduduk India Muslim sebagai individu yang kasar, ganas dan tidak bertolak ansur (Eizleena 2005) yang akhirnya menimbulkan perasaan anti-Islam dalam kalangan masyarakat Hindu di India. Konflik agama antara India dan Pakistan telah membawa kepada konflik yang panjang (Ahmad 2019).

Tema 3: Ideologi politik radikal

Data temu bual menunjukkan bahawa kepentingan dan ideologi politik radikal merupakan faktor yang mendorong kepada berlakunya ekstremisme. Kempen politik secara tidak langsung menimbulkan kemarahan dan kebencian dalam kalangan masyarakat dengan menggunakan pelbagai isu sensitif bagi sesebuah kaum.

Seterusnya, Informan B2 pula menyatakan bahawa perjuangan politik boleh mengubah kepada tindakan radikal seperti dalam tragedi 13 Mei 1969, Operasi Lalang 1987 dan sebagainya. Informan B2 juga menyatakan bahawa golongan yang melampaui batas ini hanya mahu mendapatkan manfaat politik daripada tindakan tersebut. Ideologi politik yang radikal sebegini boleh menumbangkan sebuah kerajaan seperti yang berlaku di Thailand, negara-negara Arab dan sebagainya.

Selain itu, Informan B2 menyatakan sekiranya terdapat sesuatu isu yang ditimbulkan, ahli politik dengan segera memberikan komen mereka dan hal ini mungkin menyebabkan isu tersebut menjadi lebih besar dan serius berdasarkan kepada komen tersebut. Keadaan politik di Malaysia mempengaruhi masyarakat dan masyarakat boleh terpengaruh dengan sesuatu isu yang ditimbulkan oleh ahli politik terutama isu-isu sensitif. Penggunaan isu-isu sensitif ini boleh menimbulkan kemarahan atau perasaan tidak puas hati bagi sesebuah masyarakat dan akhirnya perasaan ini boleh mendorong kepada berlakunya ekstremisme. Dalam konteks politik di Malaysia, Informan B2 mengaitkan elemen agama dan kaum yang berpotensi menjadi pencetus kepada ekstremisme. Informan B1 menyatakan bahawa melalui sentimen atau perasaan tidak rasional yang berada di dalam diri seseorang individu mendorong kepada berlakunya ekstremisme dalam sesebuah negara. Malahan, menurutnya lagi, agama dan politik di Malaysia tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya telah sebatи dalam diri.

Hal ini turut disokong oleh Informan AA1, iaitu beliau menyatakan bahawa pelbagai dasar sudah digubal demi menjaga kepentingan kaum. Sebagai contoh, kumpulan B40 untuk individu atau keluarga yang berada di paras kemiskinan telah diberikan bantuan lain seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Oleh itu, isu-isu yang berkaitan ras atau kaum perlu dikurangkan untuk mengelakkan daripada berlakunya ekstremisme. Bahkan, menurut beliau lagi, daripada aspek agama pula semangat negatif yang membakar dalam kalangan pengikut sesuatu agama juga boleh mencetuskan ekstremisme. Hal ini kerana mereka berusaha untuk menentang apa-apa sahaja yang menggugat kepentingan, kekuatan atau hak mereka dalam beragama dengan mewujudkan penentangan secara berkumpulan ataupun individu.

Membangkitkan isu-isu sensitif perkauman dan keagamaan dengan tujuan untuk mendapatkan sokongan perjuangan politik boleh membawa kepada tindakan ekstrem. Dengan merujuk politik antarabangsa, Informan B2 menyatakan bahawa semasa pilihan raya di Amerika Syarikat, Donald Trump telah menggunakan isu *white supremacy* yang menyatakan supaya mengundi beliau sekiranya masyarakat di sana berkulit putih. Informan B3 pula menyatakan bahawa ada parti politik yang sebenarnya cuba menakutkan masyarakat untuk mendapatkan sokongan mereka. Selain itu, Informan B4 menyatakan bahawa pendekatan sebegini menjadi agenda utama parti-parti politik ketika menjelang pilihan raya. Hal ini dapat dilihat dalam konteks Malaysia sendiri, iaitu terdapat isu yang cuba menimbulkan kebimbangan dalam masyarakat sekali gus menimbulkan kemarahan. Situasi ini boleh menyebabkan masyarakat mula bertindak agresif. Informan AA2 pula mengetengahkan faktor perbezaan ideologi politik menjadi faktor kepada ekstremisme.

Dapatan kajian ini telah mengenal pasti isu agama merupakan aspek dominan dalam gerakan politik yang mendorong kepada berlakunya ekstremisme. Isu agama juga boleh menimbulkan perbalahan atau gejala ekstremisme dan memberi ancaman kepada keselamatan negara (Henne dan Klocek 2019). Penggunaan sentimen politik dan agama dari luar negara yang dilihat boleh menarik minat dan perhatian masyarakat terutamanya golongan belia untuk terjebak dalam ekstremisme. Hal ini dapat dilihat melalui peristiwa Arab Spring, iaitu peristiwa yang bermula di Tunisia. Pemberontakan dan demonstrasi yang dijalankan adalah bertujuan untuk menentang pemerintahan Ben Ali ketika itu dan akhirnya pemerintahan Ben Ali berjaya ditamatkan. Ben Ali kemudiannya telah mlarikan diri ke Jeddah, Arab Saudi (Ahmad Rizky et al. 2014). Seterusnya, peristiwa ini dilihat turut berlaku di Mesir sekitar tahun 2011, iaitu wujudnya satu cubaan untuk menggulingkan kerajaan pemerintahan Hosni Mubarak (Fauziah dan Dafrizal 2017). Peristiwa ini terus berlaku di kawasan-kawasan serantau dengan dua negara tersebut, misalnya

Yaman, Bahrain dan Libya (Ahmad Rizky et al. 2014). Justeru, peristiwa ini berupaya menarik perhatian masyarakat dunia untuk meniru perbuatan tersebut dalam cubaan untuk menggulingkan kerajaan sedia ada. Dalam konteks Malaysia pula, golongan belia mudah terpengaruh dan terjebak dengan gejala ini kerana sentimen politik keagamaan yang digunakan oleh negara-negara luar (Cherney et al. 2021).

Tema 4: Kegagalan mengurus perbezaan

Analisis data temu bual mendapati bahawa ramai informan membangkitkan keunikan kepelbagaiannya latar belakang rakyat Malaysia. Hal ini menjadikan perbezaan sebagai satu faktor penting kepada kelangsungan kestabilan negara. Masalah berlaku apabila perbezaan tersebut tidak dapat diuruskan dengan baik. Perbezaan dari segi kaum merupakan suatu yang lumrah bagi kebanyakan negara seluruh dunia, maka soal kaum tidak boleh dipersalahkan. Kegagalan menguruskan keperluan kaum masing-masing secara adil adalah penting. Bahaya kepada kegagalan mengurus perbezaan kaum ini boleh membawa kepada masalah yang lebih kritikal.

Dalam memastikan perbezaan dapat diurus dengan baik, maka jati diri nasional merupakan perkara utama yang perlu diperkuat untuk mengelakkan berlakunya ekstremisme dalam negara. Sekiranya seseorang mempunyai jati diri dan kepercayaan yang kuat, maka individu tersebut tidak mudah terjebak dengan gejala ekstremisme kerana sudah mempunyai asas dan pengetahuan yang baik mengenai masyarakat sekeliling yang berbeza pegangan agama dan budaya.

Dapatkan kajian ini juga selari dengan kajian lampau yang mengutarakan jati diri sebagai kekuatan seseorang untuk menyeimbangkan setiap tindakan berasaskan akal, jasmani dan rohani (Zamli, Ruslin dan Saemah 2014). Jati diri ialah identiti diri atau keperibadian diri yang sebenarnya dimiliki oleh seseorang bukan berdasarkan lahiriah, tetapi juga nilai-nilai yang menjadikan pegangan (Mohd Mahzan et al. 2016). Jika dilihat dalam konteks negara, Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada kepelbagaiannya seperti agama, budaya, kaum dan sebagainya, maka jati diri kebangsaan perlulah menekankan nilai-nilai kepunyaan negara, iaitu sayangkan negara dan sebagainya (Mohd Mahzan, Faridah dan Abdul Razaq 2014).

Justeru, perbezaan agama sebenarnya dilihat mampu mewujudkan konflik jika tiada toleransi antara satu agama dengan agama yang lain. Hal ini boleh membuatkan wujudnya babit-babit ekstremisme, misalnya Parti Islam Se-Malaysia (PAS) juga dilabelkan sebagai parti fundamentalis yang berusaha mewujudkan negara Islam di Malaysia dan Democratic Action Party (DAP) yang majoritinya kaum Cina pernah dilabelkan sebagai parti cauvinis Cina (Badrul, Mujibun dan Zaleha 2010). Oleh itu, perbezaan agama dan kaum juga berpotensi kepada kelakuan ekstrem. Maka,

budaya berpolitik di Malaysia perlulah bersifat lebih matang dalam membincangkan isu-isu sensitif berkaitan kaum dan agama terutamanya semasa pilihan raya. Amalan nilai positif yang berteraskan Rukun Negara dan nilai universal boleh meningkatkan toleransi rakyat daripada pelbagai lapisan budaya (Abdul Aziz et al. 2016) sekali gus mengekang ekstremisme. Pelbagai strategi untuk memupuk nilai murni dan perlakuan baik telah dikemukakan oleh banyak kajian lampau dan ia memerlukan satu usaha yang gigih bagi mengekang gejala negatif sebegini (Mohd Mahzan, Jindal-Snape dan Barber 2013).

Fasa 2: Dapatan Kajian daripada Kajian Tinjauan

Jadual 2 menunjukkan komposisi dan perincian demografi responden yang terlibat dalam kajian ini dari segi jantina, umur, etnik dan agama.

Jadual 2: Taburan responden

Demografi	n	%
Jantina		
Lelaki	26	23.6
Perempuan	84	76.4
Umur		
15–25	32	29.1
26–35	60	54.5
36–40	18	16.4
Etnik		
Melayu	92	83.6
Cina	5	4.5
India	3	2.7
Bumiputra	10	9.1
Agama		
Islam	95	86.4
Buddha	4	3.6
Hindu	3	2.7
Kristian	8	7.3

Konsep ekstremisme

Dapatan kajian menunjukkan bahawa skor min bagi konstruk konsep ekstremisme berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.8818, sisihan piawai = 0.46317. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti belia mempunyai kefahaman yang tinggi terhadap konsep ekstremisme (Jadual 3).

Jadual 3: Konsep ekstremisme

Item	Pandangan	n	%	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
Pemikiran ekstremisme juga merupakan perilaku ekstremisme	STS	2	1.8	3.78	0.722	Tinggi
	TS	3	2.7			
	KS	22	20.0			
	S	73	66.4			
	SS	10	9.1			
Tindakan yang melampaui batasan norma harian merupakan satu perbuatan yang ekstrem	STS	0	0	4.05	0.669	Tinggi
	TS	3	2.7			
	KS	13	11.8			
	S	70	63.6			
	SS	24	21.8			
Individu/kumpulan yang menyerang individu/kumpulan lain di media sosial merupakan satu bentuk ekstrem cara baru	STS	2	1.8	4.16	0.773	Tinggi
	TS	2	1.8			
	KS	7	6.4			
	S	64	58.2			
	SS	35	31.8			
Ideologi ekstrem yang menular dengan pantas menerusi media baru (media sosial dan aplikasi internet) merupakan satu usaha melatih kumpulan yang ekstrem dalam ideologi	STS	2	1.8	4.06	0.720	Tinggi
	TS	0	0			
	KS	13	11.8			
	S	69	62.7			
	SS	26	23.6			
Perbuatan ekstremisme merupakan tindakan yang menginginkan perubahan segera masyarakat	STS	6	5.5	3.62	0.986	Tinggi
	TS	8	7.3			
	KS	22	20.0			
	S	60	54.5			
	SS	14	12.7			

Nota: STS = Sangat tidak setuju; TS = Tidak setuju; KS = Kurang setuju; S = Setuju; SS = Sangat setuju

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan konsep pemikiran ekstremisme sebagai perlakuan ekstremisme. Majoriti responden bersetuju dengan item “tindakan yang melampaui batasan norma harian merupakan satu perbuatan yang ekstrem”. Hanya sebilangan kecil sahaja yang tidak bersetuju dengan item tersebut.

Golongan belia bersetuju dengan item “individu atau kumpulan yang menyerang individu atau kumpulan lain di media sosial merupakan satu bentuk ekstrem cara baharu”. Hanya segelintir sahaja golongan belia yang sangat tidak setuju dengan item “perbuatan ekstremisme merupakan tindakan yang menginginkan perubahan segera masyarakat”.

Hasil analisis ujian-*t* pada Jadual 4 menunjukkan bahawa tiada perbezaan di antara jantina berkaitan dengan konsep ekstremisme apabila skor min bagi lelaki ialah 3.9154 manakala skor min bagi perempuan ialah 3.8714. Nilai skor ini menunjukkan bahawa kesemua responden lelaki dan perempuan mempunyai tahap kefahaman yang sama tentang konsep ekstremisme.

Jadual 4: Perbezaan konsep ekstremisme berdasarkan jantina

Konsep	df	F	Sig.	Ujian- <i>t</i>			
				Jantina	n	Min	Sisihan piawai
Varians sama diandaikan	108	0.422	0.517	Lelaki	26	3.9154	0.50966
Varians sama tidak diandaikan	37.892			Perempuan	84	3.8714	0.45059

Berikut merupakan hasil analisis data terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi belia berpendidikan tinggi terlibat dalam gejala ekstremisme.

Faktor-faktor yang mempengaruhi

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa skor min bagi konstruk faktor-faktor yang mempengaruhi golongan belia terhadap ekstremisme berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.9339, sisihan piawai = 0.44603. Jadual 5 menunjukkan bahawa majoriti belia berpendapat bahawa setiap item mempengaruhi belia dalam melibatkan diri dengan ekstremisme.

Jadual 5: Faktor-faktor yang mempengaruhi belia terlibat dalam ekstremisme

Faktor yang mempengaruhi	Respons	n	%	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
Kurangnya didikan agama	TM	2	1.8	4.15	0.766	Tinggi
	KM	2	1.8			
	SM	8	7.3			
	M	64	58.2			
	PM	34	30.9			
Kecenderungan melampau pada sesuatu parti politik	TM	0	0.0	4.18	0.744	Tinggi
	KM	4	3.6			
	SM	10	9.0			
	M	58	52.7			
	PM	38	34.5			
Pengaruh rakan sebaya	TM	0	0.0	4.05	0.727	Tinggi
	KM	2	1.8			
	SM	20	18.2			
	M	58	52.7			
	PM	30	27.3			
Isu kewangan peribadi	TM	1	0.9	3.95	0.881	Tinggi
	KM	12	10.9			
	SM	32	29.1			
	M	51	46.4			
	PM	14	12.7			
Mendapat upah daripada kumpulan	TM	4	3.6	3.93	0.945	Tinggi
	KM	6	5.5			
	SM	11	10.0			
	M	62	56.4			
	PM	27	24.5			
Terpengaruh dengan dakyah menegakkan agama, bangsa dan negara	TM	1	0.9	4.13	0.768	Tinggi
	KM	4	3.6			
	SM	8	7.3			
	M	64	58.2			
	PM	33	30.0			
Tertarik dengan ideologi perjuangan parti/kumpulan	TM	2	1.8	4.17	0.788	Tinggi
	KM	2	1.8			
	SM	8	7.3			
	M	61	55.5			
	PM	73	33.6			

(Bersambung)

Jadual 5: (*Sambungan*)

Faktor yang mempengaruhi	Respons	n	%	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
Pengaruh keluarga	TM	4	3.6	3.60	0.960	Tinggi
	KM	8	7.3			
	SM	33	30.0			
	M	48	43.6			
	PM	17	15.5			
Perasaan ingin mencuba	TM	2	1.8	3.67	0.900	Tinggi
	KM	8	7.3			
	SM	32	29.1			
	M	50	45.5			
	PM	18	16.4			
Faktor ingin tahu	TM	2	1.8	3.77	0.895	Tinggi
	KM	5	4.5			
	SM	32	29.1			
	M	48	43.6			
	PM	23	20.9			
Terdapat ikon yang popular dalam kumpulan tersebut	TM	1	0.9	4.03	0.795	Tinggi
	KM	7	6.4			
	SM	6	5.5			
	M	70	63.6			
	PM	26	23.6			

Nota: TM = Tidak mempengaruhi; KM = Kurang mempengaruhi; SM = Sederhana mempengaruhi; M = Mempengaruhi; PM = Paling mempengaruhi

Dapatan kajian menunjukkan faktor utama yang menyebabkan belia melibatkan diri dengan ekstremisme adalah melalui persekitaran luar iaitu pengaruh fahaman politik dan kurangnya didikan agama. Item “kecenderungan melampau pada sesuatu parti politik” berada pada tahap yang paling tinggi. Faktor lain yang menyumbang kepada ekstremisme ialah “kurangnya didikan agama”.

Jadual 6 pula menunjukkan tiada perbezaan signifikan bagi faktor yang mempengaruhi berdasarkan jantina. Hal ini menunjukkan bahawa kesemua responden lelaki dan perempuan mempunyai tahap persetujuan yang hampir sama terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi belia menjadi ekstrem dalam tindakan.

Jadual 6: Perbezaan faktor-faktor yang mempengaruhi berdasarkan jantina

Faktor	df	F	Sig.	Ujian-t				
				Jantina	n	Min	Sisihan piawai	
Varians sama diandaikan	108	0.051	0.822	Lelaki	26	3.7937	0.42294	
Varians sama tidak diandaikan	43.654			Perempuan	84	3.9773	0.44645	

Analisis perbezaan konsep dan faktor berdasarkan umur

Berdasarkan Jadual 7, analisis ANOVA satu hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan berkaitan konsep ekstremisme dalam kalangan belia berpendidikan tinggi berdasarkan umur bagi kesemua kategori belia.

Jadual 7: Perbezaan konsep ekstremisme dan faktor berdasarkan umur

Analisis ANOVA satu hala										
		Sum of squares	df	Mean square	F	Sig.	Umur	n	Min	Sisihan piawai
Konsep	Antara kumpulan	0.228	2	0.114	0.526	0.593	15–25	32	3.8312	0.56136
							26–35	60	3.9233	0.40521
	Dalam kumpulan	23.256	107	0.216			36–40	18	3.8333	0.46653
	Jumlah	23.384	109					110	3.8818	0.46317
Faktor	Antara kumpulan	0.098	2	0.049	0.243	0.785	15–25	32	3.9659	0.51980
	Dalam kumpulan	21.586	107	0.202			26–35	60	3.9348	0.43746
							36–40	18	3.8737	0.33604
	Jumlah	21.684	109					110	3.9339	0.44603

Hasil analisis ANOVA satu hala juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor yang mempengaruhi keterlibatan belia berdasarkan umur ($\text{Sig.} = 0.785$ $F = 0.243$). Nilai skor min bagi kumpulan berumur 15 tahun hingga 25 tahun ialah 3.9659, manakala bagi kumpulan berumur 26 tahun hingga 35 tahun ialah 3.9348 dan skor min bagi kumpulan berumur 36 tahun hingga 40 tahun ialah 3.8737.

RUMUSAN

Ternyata ekstremisme merupakan satu konsep yang mempunyai kaitan dengan tindakan individu yang melampaui batasan norma dan sosial yang sering dikaitkan dengan akibat yang tidak baik sama ada kepada masyarakat, negara dan juga dunia. Hasil kajian ini mendapati bahawa tindakan yang ekstrem didasari oleh faktor persepsi individu yang juga dipengaruhi oleh ideologi-ideologi yang bukan sahaja merupakan isu dalam negara bahkan melewati isu-isu antarabangsa. Contohnya, “ketaksuban” terhadap sesuatu idea perjuangan serta salah faham terhadap konsep-konsep dalam perjuangan keagamaan. Kajian ini mendapati bahawa majoriti belia berpendidikan tinggi jelas tentang konsep ekstremisme yang didasarkan oleh tindakan individu secara melampau dan mempunyai kaitan rapat dengan faktor-faktor persekitaran. Kajian ini tidak melibatkan peserta belia yang terlibat dalam kegiatan ekstremisme, maka kajian lanjutan yang melibatkan belia dalam kategori tersebut wajar dilakukan pada masa depan. Perkara berkaitan dengan penelitian khusus terhadap ekstremisme daripada perspektif perundangan oleh pengamal undang-undang di Malaysia dan negara serantau boleh dipertimbangkan dalam kajian lanjutan pada masa depan.

Berdasarkan data numerikal dan naratif daripada kajian ini, adalah jelas bahawa faktor-faktor yang mendorong individu terlibat dalam ekstremisme seperti salah faham keagamaan dan ketaksuban kepada sesuatu ideologi menjadi faktor penentu berlakunya tindakan yang ekstrem dalam kalangan belia. Faktor lain yang menjadi pendorong kepada tindakan ekstrem termasuklah faktor-faktor yang melibatkan komunikasi global terutama kewujudan media baharu pada hari ini. Ideologi yang berkembang di luar negara, kini mudah diakses dengan media maya termasuklah aplikasi-aplikasi komunikasi segera seperti WhatsApp dan Telegram yang memudahkan golongan belia menerima input dan idea-idea daripada kumpulan ekstrem.

Penglibatan belia dalam aktiviti yang berbahaya ini didorong oleh faktor dalaman individu yang melibatkan salah faham terhadap sesuatu konsep perjuangan termasuklah konsep jihad serta faktor luaran. Faktor luaran ini termasuklah faktor politik setempat dan juga pengaruh kefahaman di peringkat antarabangsa. Memandangkan penyebaran ideologi daripada luar lebih mudah dengan adanya teknologi internet dan capaian pelbagai bentuk telekomunikasi, satu usaha yang lebih canggih diperlukan. Kefahaman pada atas kenegaraan dan jati diri nasional yang utuh diperlukan bagi memastikan para belia dapat dicegah untuk taksub dengan ideologi yang radikal. Satu modul yang komprehensif perlu dibangunkan sebagai usaha untuk memastikan gejala ekstremisme dapat dibendung di Malaysia. Pembangunan sahsiah belia kalis radikal dan ekstremis yang dikemukakan oleh

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2019) yang merangkumi elemen memperkuuhkan dan meningkatkan pegangan agama belia, meningkatkan efikasi kendiri, menguatkan daya tahan diri, memperkuuhkan daya asertif, meningkatkan jati diri, menyerlahkan potensi belia, meningkatkan amalan *wasatiyyah* dan *inquiry mind* merupakan kerangka asas yang boleh dijadikan rujukan untuk pembinaan modul tersebut. Maka, satu modul yang komprehensif perlu diwujudkan bagi memastikan belia-belia berpendidikan tinggi mempunyai jati diri yang utuh dan mempunyai satu sistem tapisan kendiri yang mampu mengenal pasti ideologi-ideologi yang boleh membawa kepada tindakan yang melampau. Secara keseluruhannya, pengkaji menyarankan bahawa kajian terhadap ekstremisme perlu diteruskan dari masa ke semasa kerana dinamika masyarakat membolehkan berlakunya pelbagai bentuk tindakan yang ekstrem yang pastinya memberikan kesan yang negatif kepada negara. Di samping itu juga, pihak berkuasa memerlukan satu strategi berteknologi tinggi yang menyeluruh dengan memanfaatkan data mega dalam mengesan kewujudan tanda-tanda gerakan berbahaya.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dijalankan menggunakan geran FRGS bertajuk “Modul Pendidikan Untuk Kawalan Gejala Ekstremisme Belia Malaysia” dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (FRGS/1/2016/SS109/UKM/02/01) dan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (PP-FPEND-2021).

RUJUKAN

- Abdul Aziz Rahman, Abdul Razaq Ahmad, Jalaluddin Abdul Malek and Mohd Mahzan Awang. 2016. Penglibatan sosial dan pembudayaan nilai murni melalui pembelajaran tidak formal dalam kalangan penduduk bandar Putrajaya. *Kajian Malaysia* 34(2): 75–100. <https://doi.org/10.21315/km2016.34.2.4>
- A Faiz Yunus. 2017. Radikalisme, liberalisme dan terorisme: Pengaruhnya terhadap agama Islam. *Jurnal Studi Al-Qur'an: Membangun Tradisi Berfikir Al-Quran* 13(1): 76–94. <https://doi.org/10.21009/JSQ.013.1.06>
- Ahmad, M. 2019. Understanding India–Pakistan relations: Memory keeps getting in the way of history. *Jadavpur Journal of International Relations* 23(1): 69–80.
- Ahmad El-Muhammady, Wan Ruzailan Wan Mat Rusoff and Muhammad Azamuddin Hashim. 2019a. Ideologi kumpulan penganas Daesh@ISIS: Asas, formulasi dan implikasi. In *Belia ekstremis*, eds. Mohd Hizam Hanafiah and Zainah Shariff, 20–29. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.

- _____. 2019b. Ideologi dan militans. In *Belia ekstremis*, eds. Mohd Hizam Hanafiah and Zainah Shariff, 30–37. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Ahmad Rizky Mardhatillah Umar, Arief Bakhtiar Darmawan, Faela Sufa and Gebyar Lintang Ndadari. 2014. Media sosial dan revolusi politik: Memahami kembali fenomena “Arab Spring” dalam perspektif ruang publik transnasional. *Jurnal Ilmu Sosial dan Ilmu Politik* 18(2): 114–129. <https://doi.org/10.22146/jsp.13130>
- Ahmad Sauffiyan Abu Hassan. 2016. DAESH: Kebangkitan dan pengaruh media sosial. *Malaysian Journal of Communication* 32(2): 381–404. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2016-3202-20>
- Ahmad Zahid Hamidi. 2017. Radikalisme dan ekstremisme. *Jurnal Qalbu* 15: 1–18.
- Al-Qardhawi. 1996. *Min fiqh al Daulah*. Kaherah, Mesir: Dar al Syuruq.
- Amini Amir Abdullah. 2016. Belia, radikalisme dan ekstremisme: Satu kajian literatur. In *Prosiding seminar hasil penyelidikan IPSAS bersama rakan industri*, eds. Norhawiza Abdul Wahat, Jeffrey Lawrence, D'Silva Neda Tiraieyari and Nor Aini Mohamed. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Asrizal Mohamed Radzi. 2013. Sejarah pembentukan negara bangsa dan 1Malaysia. *Jurnal Biro Tatanegara* 1/2013: 67–81.
- Azra Azyurmadi. 1999. *Islam reformis, dinamika intelektual dan gerakan*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Azzahari Murad, Aminudin Basir, Nasruddin Yunos and Akila Mamat. 2022. Konsep ekstremisme agama dari perspektif pemikiran Islam: Satu sorotan. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research* 2(3): 37–49.
- Badrul Azmier Mohamed @ Bakar, Mujibu Abd. Muis and Zaliha Hj. Hussin. 2010. Sejauh mana peranan agama dalam politik Malaysia. In: *Proceedings Seminar on National Resilience (SNAR 2010): Political Managements and Policies in Malaysia*, 393–409. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Bartoli, A. and P. Coleman. 2003. Dealing with extremists. In *Beyond intractability*, eds. G. Burgess and H. Burgess. Boulder, CO: Conflict Research Consortium, University of Colorado.
- Basri Husin. 2018. Perbahasan epistemologi dalam wacana Kalam Al-Asha‘Irah: Analisis terhadap pemikiran Al-Baqillani (M. 403h) dan Al-Baghdadi (M. 429h). PhD diss., Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Bogdan, R.C. and S.K. Biklen. 2006. *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. 5th ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Cherney, A., I.E. Putra, V.S. Putera, F. Erikha and M.F. Magrie. 2021. The push and pull of radicalization and extremist disengagement: The application of criminological theory to Indonesian and Australian cases of radicalization. *Journal of Criminology* 54(4): 407–424.
- Cohen, L. and L. Manion. 1989. *Reserch methods in education*. 3rd ed. London: Routledge.
- Combs, C.C. 2000. *Terrorism in the twenty-first century*. 7th ed. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Davies, L. 2008. *Education against extremism*. Stoke-on-Trent: Trentham Books Ltd.
- Dianne, G. 2012. *Education, extremism and terrorism what should be taught in citizenship education and why*. London: Continuum International Publishing Group.

- Eizleena Mahmud. 2005. Peranan dan cabaran Islam dalam peradaban negara India kontemporari. Master's diss., Universiti Malaya.
- Enizahura Abdul Aziz. 2019. *Berita Harian menangani isu Islamofobia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Fauziah Ahmad and Dafrizal Samsudin. 2017. Kebergantungan media sosial terhadap isu Arab Spring dalam kalangan khalayak di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication* 33(1): 423–437. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2017-3301-28>
- Federal Bureau of Investigation. n.d. The attacks of 9/11. <https://www.fbi.gov/history/famous-cases/osama-bin-laden> (accessed 12 October 2023).
- Hanina Halimutun Saadiah Hamsan and Sudirman Ahmad. 2019. Corak pemikiran dan tingkahlaku belia ekstremis. In *Belia ekstremis*, eds. Mohd Hizam Hanafiah and Zainah Shariff, 80–95. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Henne, P.S. and J. Klocek. 2019. Taming the Gods: How religious conflict shapes state repression. *Journal of Conflict Resolution* 63(1): 112–138.
- Intan Suria Hamzah, Sity Daud and Nor Azian. 2017. Pelarian Rohingya dan isu-isu kontemporari di Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 12(9): 11–23.
- Ishak Saat. 2011. *Radikalisme Melayu Perak 1945–1970*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: Satu penilaian. PhD diss., Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johari Mat. 1997. Ghuluw dalam akidah Islam: Satu pengenalan ringkas. *Jurnal Usuluddin* 5: 87–109.
- Kagan, D.M. 1992. Professional growth among preservice and beginning teachers. *Review of Educational Research* 62(2): 129–169. <https://doi.org/10.3102/00346543062002129>
- Kementerian Belia dan Sukan. 1997. *Dasar pembangunan belia negara*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Belia.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid 2003. Keganasan dan Islam: Analisis konsep jihad. *Jurnal Syariah* 11(2): 1–14.
- _____. 2013. Pendekatan wasatiyyah dan cabaran ekstremisme di Malaysia. In Wasatiyyah pemacu peradaban negara, eds. Mushaddad Hasbullah and Mohd Asri Abdullah, 5–15. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.
- Mastura Mohamad. 2019. Membangunkan sahsiah belia kalis radikal dan ekstremis. In *Belia ekstremis*, eds. Mohd Hizam Hanafiah and Zainah Shariff, 96–104. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Maynard, J.L. 2019. Ideology and armed conflict. *Journal of Peace Research* 56(5): 635–649.
- Merriam, S.B. 1998. *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mohamed Salleh Lamry. 2006. *Gerakan kiri Melayu dalam perjuangan kemerdekaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohammad Rahim Kamaluddin and Farhan Mat Arisah. 2019. Psikokriminogenik belia ekstremis. In *Belia ekstremis*, eds. Mohd Hizam Hanafiah and Zainah Shariff, 66–79. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Mohd Hizam Hanafiah and Zainah Shariff, eds. 2019. *Belia ekstremis*. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Mohd Mahzan Awang, Alfitri, Abdul Razaq Ahmad and Norila La Ulu. 2016. Measuring Multi-ethnic students citizenship competence: Domains and indicators. *American Journal of Applied Sciences* 13(1): 123–130. <https://doi.org/10.3844/ajassp.2016.123.130>
- Mohd Mahzan Awang, Faridah Mydin Kutty and Abdul Razaq Ahmad. 2014. Perceived social support and well being: First-year student experience in university. *International Education Studies* 7(13): 261–270. <https://doi.org/10.5539/ies.v7n13p261>
- Mohd Mahzan Awang, D. Jindal-Snape and T. Barber. 2013. A documentary analysis of the government's circulars on positive behavior enhancement strategies. *Asian Social Science* 9(5): 203–208. <https://doi.org/10.5539/ass.v9n5p203>
- Mohd Mizan Aslam. 2017. Peningkatan Daesh membimbangkan. *Utusan Online* 14 March. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/peningkatan-daesh-membimbangkan-1.456736>
- Mohd Roslan Mohd Nor, Misnal Munir, Moses Glorino Rumambo Pandin and Muhammad Khalis Ibrahim. 2022. Penglibatan rakyat Malaysia dalam ekstremisme agama dan langkah-langkah deradikalasi. *Online Journal Research in Islamic Studies* 19: 31–46.
- Muhammad Kamal. 2008. The meaning of terrorism: A philosophical inquiry. National Centre of Excellence for Islamic Studies. NCEIS Research Paper.
- Muhammad Najib Azca. 2013. Yang muda, yang radikal: Refleksi sosiologis terhadap fenomena radikalisme Kaum Muda Muslim di Indonesia Pasca Orde Baru. *Jurnal Maarif* 8(1): 14–44.
- Muhd Imran Abd Razak, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Nurul Hidayah Abd Aziz, Paiz Hassan, Muhammad Yusri Yusof @Salleh. 2019. A struggle against colonizer: The commitment of Ashab Jawi. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 9(7): 527–549.
- Muhd Imran Abd Razak, Mohd Anuar Ramli, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Awang Azman Awang Pawi, Muhammad Yusri Yusof @Salleh and Paiz Hassan. 2019. The fiqh wasatiyyah approach towards the involvement of Malaysian women in religious extremism phenomenon. *Al-Risalah Forum Kajian Hukum dan Sosial Kemasyarakatan* 19(2): 105–124.
- Norhafezah Yusof, Mohd Haniff Imran Ghazali, Rosna Awang Hashim, Mohd Azizuddin Mohd Sani, Syarizan Dalib, Romlah Ramli and Amrita Kaur. 2017. Ekstremisme agama dalam gerakan Islamic State of Iraq dan Syria (ISIS): Satu analisis terhadap akhbar *The Star*. *Jurnal Komunikasi Malaysian* 33(4): 119–141. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2017-3304-08>

- Nur Azuki Yusuff, Tan Hong Cheng, Kevin Fernandez and Yohan Kurniawan. 2016. Perpaduan berpaksikan titik kesamaan fungsi pelbagai agama dengan mengambil kira Islam sebagai agama rasmi di Malaysia. Prosiding Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4, Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris. 13–15 March.
- Omar Osman. 2018. Wanita dalam tahanan Daesh merayu diselamatkan *Berita Harian*. 5 April. https://www.bharian.com.my/berita_nasional/2018/04/408065/wanita-dalam-tahanan-daesh-merayu-diselamatkan (akses pada 16 October 2023).
- Ramanathan, K. 1988. *Konsep asas politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsilah Roslan and Shahhanim Yahya. 2019. *Ciri psikososial dan kaitannya dengan ekstremisme*. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Shahhanim Yahya and Farhan Mat Arisah. 2019. Demografi belia ekstremis. In *Belia ekstremis*, eds. Mohd Hizam Hanafiah and Zainah Shariff, 50–55. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Simanjuntak, S.Y. 2016. Analisis kejasama bilateral Indonesia dengan Australia dalam penanggulangan terrorisme sebagai kejahatan transnasional terorganisir. *Journal of International Relations* 2(3): 117–127.
- Tarmizi Taher. 1998. *Radikalisme agama*. Jakarta: Pusat Pengkajian Islam dan Masyarakat Jakarta.
- Zafar Iqbal. 2010. Understanding Islamophobia: Conceptualizing and measuring the construct. *European Journal of Social Science* 13(4): 574–590.
- Zamli Toti, Ruslin Amir and Saemah Ramelan. 2014. Pembinaan instrumen jati diri pelajar sekolah menengah di Malaysia. Proceeding of the Social Sciences Research, ICSSR: 664–672, Kota Kinabalu, Sabah. 9–10 June.
- Zul Azmi Yaakob and Ahmad Sunawari Long. 2015. Terrorisme sebagai cabaran ideologi Muslim masa kini: Satu analisis dari perspektif falsafah. *International Journal of Islamic Thought* 7: 58–63. <https://doi.org/10.24035/ijit.07.2015.006>